

**LAPORAN PROJEK CTI – PENGURUSAN PERIKANAN MELALUI PENDEKATAN  
EKOSISTEM (ECOSYSTEM APPROACH TO FISHERIES MANAGEMENT/ EAFM) -  
PEMBENTANGAN HASIL PERBINCANGAN BERSAMA AGENSI-AGENSI KERAJAAN  
DAN BUKAN KERAJAAN BERKENAAN UDANG LAUT SANDAKAN DAN  
PEMBENTANGAN DERAH PELAN TINDAKAN UNIT PENGURUSAN PERIKANAN  
(FISHERIES MANAGEMENT UNIT (FMU)) UDANG LAUT SANDAKAN**

**SANDAKAN STYLES HOTEL, SABAH, 24 JUN 2016**

## **1.0 Pengenalan**

Konsultasi bersama pihak berkepentingan industri perikanan udang laut di daerah Sandakan telah diadakan pada 24 Jun 2016 di Sandakan Styles Hotel, Sandakan. Program konsultasi ini telah dihadiri oleh seramai 48 orang daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Perikanan Malaysia, Taman-Taman Sabah (TTS), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Majlis Perbandaran Sandakan, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Coral Triangle Initiative Sabah Branch (CTI-SAB), Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perhutanan Malaysia, Persatuan Perikanan Sandakan, WWF-Malaysia, syarikat-syarikat pengusahaan udang laut dan juga nelayan-nelayan serta pemilik-pemilik pukat jerut.

Tujuan konsultasi ini diadakan adalah untuk:

- i) Membentangkan ringkasan aktiviti projek sepanjang tahun 2015 dan 2016
- ii) Berkongsi hasil konsultasi pada 04 Ogos 2015 dan 28 Ogos 2015 - ringkasan isu, dan ancaman industri udang laut berdasarkan 2 sesi konsultasi(2015).
- iii) Membentangkan laporan konsultasi keempat “Bengkel Perbincangan Bersama Agensi-Ageni Kerajaan dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut Sandakan”, 12 November, 2015
- iv) Membincangkan cadangan penyelesaian isu dan ancaman industri udang laut Sandakan.

## **2.0 Perutusan Pengerusi**

Dr. Norasma Dacho, Ketua Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar menyampaikan penghargaan kepada para hadirin yang meluangkan masa dan menghadiri program ini. Dr. Norasma Dacho membincangkan aturcara program dengan para hadirin. Aturcara program diterima tanpa perubahan. Aturcara program dilampirkan pada **Lampiran A**. Senarai kehadiran program dilampirkan dalam **Lampiran B**.

### **3.0 Pembentangan Hasil Perbincangan Bersama Agensi-Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut Sandakan**

Dr. Norasma Dacho membentangkan hasil perbincangan bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan berkenaan Udang Laut Sandakan. Salinan slaid pembentangan dilampirkan sebagai **Lampiran C**.

### **4.0 Pembentangan Deraf Pelan Tindakan Unit Pengurusan Perikanan (Fisheries Management Unit (FMU)) Udang Laut Sandakan**

Dr. Norasma Dacho pembentangan Deraf Pelan Tindakan Unit Pengurusan Perikanan (Fisheries Management Unit (FMU)) Udang Laut Sandakan. Salinan Deraf Pelan Tindakan dilampirkan sebagai **Lampiran D**.

### **5.0 Perbincangan**

#### **a) Peranti Pengecuali Penyus/ *Turtle Excluding Device* (TED)**

En. Muslim bin Hj Moxin, Pemilik Pukat Tunda Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa kapal tunda udang tidak mendapat tangkapan sampingan penyus kerana kapal tunda udang menunda di kawasan jauh daripada terumbu karang dan menunda dengan kelajuan yang rendah. Beliau berpendapat bahawa kapal tunda ikan akan mempunyai tangkapan sampingan penyus kerana mereka menunda di kawasan berdekatan batu karang dan menunda dengan kelajuan tinggi. Beliau meminta pencerahan atas sebab pukat tunda udang terpilih untuk pemasangan alat peranti pengecuali penyus (TED).

En. Erwan Arjana Awang, Penguasa Perikanan Tawau menerangkan bahawa kemungkinan besar kapal tunda udang terpilih untuk pemasangan TED kerana faktor masa merendam pukat yang tinggi. Walau bagaimanapun, pemasangan TED bagi kapal tunda ini adalah secara berperingkat. Kemungkinan besar kapal tunda ikan akan terpilih bagi pemasangan TED.

Mesyuarat mencadangkan agar Jabatan Hidupan Liar dan pihak WWF-Malaysia turut dimasukkan di dalam senarai organisasi yang bertanggung jawab. Selain itu, mesyuarat juga mencadangkan agar Jabatan Perikanan Sabah merekod jumlah kapal tunda yang memsang TED dan memakainya secara aktif bagi tujuan pemantauan.

#### **b) Pengharaman pam bot**

En. Ahmad Azwan bin Rusidi, pegawai daripada APMM memaklumkan kepada para hadirin bahawa penggunaan pam bot kini telah diharamkan. Jika terdapat pesalah bukan tempatan yang didapati menggunakan pam bot, pam bot tersebut dan juga

bahan-bahan di atasnya akan disita. En. Masni bin Omar, Pemilik Pukat Tunda, Kg. Tanjung Aru bersetuju dan berasa lega bahawa pam bot telah diharamkan. Beliau berpendapat bahawa kebanyakan aktiviti haram dijalankan dengan menggunakan pam bot.

En. Erwan Arjana Awang mencadangkan agar Objektif 3 daripada Pelan Tindakan 3: Objektif Pengurusan (Pengurusan Yang Baik) digugurkan. Ini adalah kerana perkara ini turut dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Negara (MKN). Beliau turut berkongsi dengan para hadirin bahawa MKN telah membuat keputusan untuk mendaftarkan pam bot yang dimiliki warga tempatan. Namun, tindakan ini bukannya untuk melesenkan pam bot, tetapi untuk langkah berjaga-jaga untuk mengenali dan merekodkan pemilik-pemilik pam bot di Sabah. Status pam bot kini perlu diperolehi daripada Jabatan Perlabuhan dan Dermaga. Mesyuarat mencadangkan agar pihak Urusetia atau pihak Jabatan Perikanan Sandakan mengadakan kunjung hormat kepada agensi ini untuk mendapat status terkini berkenaan isu ini.

#### **c) Pukat tiga lapis/ pukat harimau**

En. Yusran bin Yusop, Pemilik Pukat Tunda, Kg. Batu Putih memaklumkan bahawa beliau berpendapat bahawa pukat tiga lapis perlu diharamkan. Kapal-kapal tunda udang sering menghadapi konflik dengan nelayan-nelayan pukat tiga lapis. Ini terjadi disebabkan nelayan pukat tiga lapis memasang pukat mereka di kawasan laluan kapal dan apabila kapal melanggar pukat mereka, mereka menuntut pampasan.

En. Erwan Arjana Awang menggalakkan nelayan untuk merujuk konflik-konflik yang dihadapi mereka kepada pejabat perikanan. Pejabat perikanan akan merujuk kepada undang-undang sedia ada dan tentukan pesalah serta jumlah pampasan yang perlu dibayar. Kaedah ini akan mengurangkan konflik antara nelayan.

#### **d) Masalah Sampah**

Dr. Norasma Dacho bertanya kepada pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) sama ada perkampungan di pulau-pulau Sandakan mempunyai sistem pungutan sampah bagi menghantar sampah daripada pulau ke daratan bagi proses pelupusan. En. Mohd Gadaffi Abdullah, pegawai daripada MPS, menerangkan bahawa sememangnya perkampungan di pulau-pulau Sandakan tidak mempunyai system pungutan sampah. Namun beliau berpendapat bahawa kesedaran perlu dipupuk di kalangan penduduk pulau untuk tidak membuang sampah ke laut.

En. Muslim bin Hj Moxsin turut menerangkan bahawa kesedaran ini juga perlu dipupuk di kalangan pekerja dan pemilik kapal tunda. Beliau berkongsi dengan para hadirin bahawa beliau memastikan pekerja beliau memuatkan sampah sarap yang terkumpul di kapal ke dalam karung untuk dibuang ke tong sampah di darat semasa mendaratkan ikan.

#### **e) Penanaman Semula Hutan Bakau**

En. Fadzil Yahya, pegawai daripada Jabatan Perhutanan, menerangkan bahawa cadangan pelan tindakan bagi *"Jumlah seedling bakau yang ditanam mencecah sebanyak 200,000 seedling menjelang tahun 2026"* adalah terlalu tinggi. Ini adalah kerana jumlah seedling yang ditanam adalah berdasarkan keluasan kawasan yang diceroboh dan perlu dipulihara. Maka dengan itu, pelan tindakan yang lebih realistik adalah *"jumlah kawasan bakau yang ditanam mencecah 50 hektar menjelang tahun 2026"*

En. Yusran Yusop berkongsi dengan para hadirin bahawa kawasan hutan bakau Sg. Sibogo terdapat aktiviti penuaian pokok bakau secara haram bagi menghasilkan arang. Beliau kurang pasti pihak mana untuk ajukan aduan dan juga berasa kurang selamat untuk membuat aduan kerana takut dengan tindakan balas dendam.

En. Fadzil Yahya menggalakkan semua nelayan dan orang awam untuk mengajukan aduan berkenaan aktiviti-aktiviti pembalakan haram kepada pihak Jabatan Perhutanan. Pihak mereka akan menjalankan tugas mereka bagi memantau aktiviti tersebut jika kawasan yang dibalak merupakan kawasan hutan Jabatan Perhutanan atau memaklumkan pihak Majlis Daerah atau Jabatan Tanah dan Ukur jika pembalakan haram tersebut terjadi di luar kawasan hutan Jabatan Perhutanan.

#### **f) Sistem Pendaratan Udang Sandakan**

Pn. Norainon Madra, Penguasa Perikanan Daerah Sandakan merujuk kepada Objektif 4 daripada Pelan Tindakan 3: Objektif Pengurusan (Pengurusan yang baik); beliau menjelaskan bahawa system rekod pendaratan udang laut mengikut spesies udang sememangnya dilaksanakan kini. Namun, mungkin tindakan perkasakan jumlah kakitangan terlatih dan juga penambahan kakitangan perlu.

#### **g) Menyediakan maklumat saintifik berkenaan udang laut**

En. Zamani Nayan merujuk kepada Objektif 5 daripada Pelan Tindakan 3: Objektif Pengurusan (Pengurusan Yang Baik), iaitu *'Menyediakan maklumat saintifik berkenaan udang laut bagi mengurus udang laut dengan lebih cekap'* dan bersetuju dengan objektif tersebut, beliau menerangkan bahawa pihak Jabatan Perikanan

Sabah sememangnya perlu kajian-kajian tersebut, namun mempunyai kekurangan dana bagi menjalankan kajian-kajian tersebut.

#### **f) Dialog/ Ceramah bagi Nelayan**

En. Yusran Yusof menerangkan bahawa baru menghadiri latihan ESSCOM. Beliau berasa nelayan-nelayan sepatutnya didedahkan dengan isu-isu serta peraturan-peraturan baru. Beliau merujuk kepada Objektif Kedua bagi Pelan Tindakan 3: Objektif Pengurusan (Pengurusan Yang Baik), iaitu '*Melahirkan nelayan yang peka dan arif berkenaan peraturan dan undang-undang sedia ada dan yang dikemas kini*' dan menyatakan beliau sangat bersetuju dengan tindakan tersebut.

En. Ruzlee Jumatin turut menyokong Objektif kedua bagi Pelan Tindakan 3: Objektif Pengurusan (Pengurusan Yang Baik) dan menerangkan bahawa Jabatan Perikanan Sabah kini dalam proses melihat semula dasar-dasar perikanan sedia ada; beliau menerangkan bahawa peraturan kelautan yang kini digunapakai akan diganti dengan peraturan perlesenan.

#### **h) Memuktamadkan Pelan Tindakan**

En. Zamani Nayan mencadangkan agar pihak Urusetia mengadakan kunjung hormat kepada Jabatan Hidupan Liar dan Jabatan Perlabuhan dan Dermaga untuk mendapat komen dan persetujuan berkenaan peranan Jabatan-Jabatan tersebut dalam pelan tindakan ini.

### **7.0 Majlis Penutupan dan Penangguhan Mesyuarat**

Dr. Norasma Dacho mengucapkan terima kasih kepada para hadirin kerana meluangkan masa bagi menjayakan program pada hari ini.

Gambar aktiviti-aktiviti semasa sesi konsultasi dilampirkan sebagai **Lampiran E**.

## LAMPIRAN C

### **PROJEK INISIATIF SEGITIGA TERUMBU KARANG PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN EAFM – CTI (INDUSTRI PERIKANAN UDANG LAUT SANDAKAN)**

**Pembentangan Hasil Perbincangan Bersama Agensi-Agensi  
Kerajaan Dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut  
Sandakan Dan Pembentangan Deraf Pelan Tindakan Unit  
Pengurusan Perikanan (*Fisheries Management Unit (FMU)*)  
Udang Laut Sandakan**

**24 Jun 2016, Sandakan Styles Hotel Sandakan**



## **Kandungan Pembentangan**

1. Ringkasan aktiviti projek (2015 dan 2016)
2. Hasil konsultasi kedua dan ketiga - ringkasan isu, dan ancaman industri udang laut berdasarkan 2 sesi konsultasi(2015).
3. Laporan konsultasi keempat "Bengkel Perbincangan Bersama Agensi-Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut Sandakan" (November, 2015)
4. Cadangan penyelesaian isu dan ancaman industri udang laut Sandakan.

# 1) Aktiviti Projek (2015-2016)

## Aktiviti Projek EAFM Udang Laut Sandakan

### Tahun 2015-

- 1) Mengadakan beberapa sesi konsultasi/bengkel bersama dengan pihak-pihak berkepentingan, melalui program 'Mini EAFM'.
- 2) Temu bual dan kutipan data tambahan dan menganalisa data untuk menyediakan Pelan EAFM udang laut Sandakan.
- 3) Perbincangan isu, cabaran dan cadangan penyelesaian bersama Agensi-Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut Sandakan.
- 4) Konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan dan lawatan ke kampung-kampung nelayan (Kg. Tg. Aru, Kg. batu Putih, Kg. Tinosa) dan kompleks pendratan udang laut.

### Tahun 2016-

- 1) Lawatan dan perbincangan mengenai Pelan Unit Pengurusan Perikanan Udang laut Sandakan.
- 2) Pembentangan Hasil Perbincangan Bersama Agensi-Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan Berkenaan Udang Laut Sandakan dan Pembentangan Deraf Pelan Tindakan Unit Pengurusan Perikanan (*Fisheries Management Unit (FMU)*) Udang Laut Sandakan (24 Jun 2016)
- 3) Memuktamadkan dan melancarkan Pelan Unit Pengurusan Perikanan Udang Laut Sandakan.

## Program Projek EAFM Udang Laut Sandakan

Program	Jadual
(1) Mengadakan beberapa sesi konsultasi/bengkel EAFM bersama dengan pihak-pihak berkepentingan berdasarkan prinsip-prinsip dan proses EAFM.	Julai - Ogos 2015
(2) Menentukan 'gap' dan keperluan data /kutipan data tambahan dan menganalisa data untuk menyediakan Pelan EAFM.	Ogos - September 2015
(3) Menyediakan, membentang dan mendapat maklum balas draf isi kandungan Pelan Pengurusan Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	September – Oktober 2015
(4) Mengadakan sesi pembentangan/konsultasi, mendapatkan maklum balas draf pertama Pelan Pengurusan Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	November 2015
(5) Membentang, memuktamadkan, dan melancarkan Pelan Unit Pengurusan Perikanan Udang Laut Sandakan.	2016
(6) Melaksana Pelan Unit Pengurusan Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	2016-2020

## 2) Hasil Perbincangan sesi Konsultasi EAFM udang laut Sandakan (2015)





**KONSULTASI KETIGA:  
28 OGOS 2015**

**Tujuan Konsultasi Ketiga, 28 Ogos 2015**

- Tujuan konsultasi ini diadakan adalah untuk:
- Membentangkan Hasil Program Mini EAFM Industri Udang Laut Sandakan, 04 Ogos 2015.
- Membincangkan dan merekod isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri udang laut Sandakan Kawasan Operasi Pukat Tunda Zon Sandakan



## Hasil Konsultasi Ketiga (Ogos, 2015)

Isu dan Ancaman	Huraian	Jabatan Yang Terlibat
(1) Kawasan Penangkapan Ikan	Nelayan Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa terdapat kekeliruan mengenai kawasan larangan penangkapan ikan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
(2) Pencemaran daripada Industri Kelapa Sawit	Jumlah udang semakin sedikit dan ini mungkin disebabkan oleh pencemaran dari industri kelapa sawit (racun dan baja).	1. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) 2. Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 4. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 5. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW)

Isu dan Ancaman	Huraian	Jabatan Yang Terlibat
(3) Penggunaan alat penangkapan yang diharamkan	Pukat harimau/ pukat karan/ pukat tiga lapis kini masih digunakan secara berleluasa walaupun alat penangkapan itu telah diharamkan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
(4) Ketidakeragaman undang-undang	Terdapat undang-undang atau peraturan yang bertindih antara agensi. Maka, adalah perlu bagi agensi-agensi kerajaan menyeragamkan undang-undang bagi mengurangkan kekeliruan di kalangan masyarakat nelayan.	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
(5) Pemasangan alat <i>Turtle Excluder Device</i> (TED)	- terdapat kapal pukat tunda yang memukat di kawasan berdekatan Taman-Taman Sabah dan menyebabkan banyak penyu tertangkap. - Pemasangan peralatan TED boleh digalakkan bagi kapal pukat tunda Sandakan.	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Jabatan Perikanan Malaysia 3. Taman-taman Sabah 4. WWF-Malaysia

<b>Isu dan Ancaman</b>	<b>Huraian</b>	<b>Jabatan Yang Terlibat</b>
(6) Perlindungan Hutan Bakau	Hutan Paya Bakau penting sebagai nurseri udang laut	Jabatan Perhutanan Sabah
(7) Pembuangan Sampah ke laut	Pekerja / pembersih menolak timbunan sampah ke laut di Pasar Sandakan.	1. Majlis Perbandaran Sandakan
(8) Penggunaan Pam bot	<ul style="list-style-type: none"> <li>- masih berleluasa tanpa penguatkuasaan yang berkesan</li> <li>- hanya 'pam bot' bersayap sahaja diharamkan di Sabah</li> <li>- merupakan kenderaan utama memasukkan pendatang asing ke Sabah.</li> <li>- kebanyakan pendatang asing menggunakan 'pam bot' untuk memasuki perairan cetek dan mengumpul ketam-ketam. Ini menyebabkan kehilangan sumber pendapatan bagi orang tempatan.</li> </ul>	1. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga

**3) Laporan Konsultasi Keempat  
(November 2015) dan**  
**4) Cadangan penyelesaian isu dan  
cabaran industri udang laut  
Sandakan**



**KONSULTASI KEEMPAT: 12 NOVEMBER 2015**



## Tujuan Konsultasi Keempat, 12 November 2015

- Membentangkan (i) sejarah EAFM di Malaysia, (ii) Apa dan Mengapa melaksanakan EAFM dan (iii) Kajian kes/Case Study: FMU Ikan Pelagik Semporna
- Membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri udang laut Sandakan serta membincangkan langkah dan keadah penyelesaian
- Membentangkan draf Isi Kandungan bagi Pelan Pengurusan Perikanan Industri Udang Laut Sandakan

## Hasil Perbincangan Konsultasi Keempat

Isu dan Ancaman	Cadangan Penyelesaian	Jabatan Yang Terlibat
(1) Kawasan Penangkapan Ikan	1. Sesi dialog dengan nelayan patut diadakan secara berkala untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan peraturan dan kawasan larangan penangkapan ikan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
(2) Pencemaran daripada Industri Kelapa Sawit	1. Kawasan yang dilaporkan mengalami pencemaran daripada kilang kelapa sawit direkod dan diikuti dengan mengenal pasti kilang kelapa sawit yang beroperasi di kawasan tersebut – penerangan lanjut daripada JAS diperlukan berkenaan perkara ini 2. Bidang kuasa JPAS adalah bagi kilang-kilang yang memerlukan laporan EIA dan jg effluent yang didiscas daripada kilang. Kualiti air sungai berada di bawah bidang kuasa JAS	1. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) 2. Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 4. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 5. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW)

Isu dan Ancaman	Cadangan Penyelesaian	Jabatan Yang Terlibat
Penggunaan alat penangkapan yang diharamkan	1. Pukat harimau/ pukat karan/ pukat tiga lapis sebenarnya tidak diharamkan. Namun, lesen baru bagi alat ini tidak lagi dikeluarkan , pembaharuan lesen dinaikkan harga kepada RM60 dan tidak boleh ditukar milik atau diwarisi. Kini, kurang daripada 100 lesen pukat harimau wujud di Sandakan 2. Bagi kapal tunda, permohonan baru bagi pukat tunda di bawah 10 GRT tidak lagi diluluskan. Namun, tukar milik bagi lesen kapal tunda masih dibenarkan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)

<b>Isu dan Ancaman</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>	<b>Jabatan Yang Terlibat</b>
(3)Ketidak-seragaman undang-undang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketidak seragaman undang-undang tidak berlaku, cuma masih terdapat kekeliruan berkenaan peranan agensi di kalangan nelayan.</li> <li>2. Perubahan dari segi peraturan dan undang-undang serta agensi penguatkuasaan perlu disampaikan kepada nelayan</li> <li>3. Sesi dialog atau makluman bersama nelayan diperlukan bagi mengurangkan salah faham</li> <li>4. Program kesedaran juga perlu bagi nelayan. Sesi ini perlu dalam keadaan yang selesa bagi nelayan untuk mengajukan soalan, mungkin sesi dalam kampung boleh dipertimbangkan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perikanan Sabah</li> <li>2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)</li> </ol>

<b>Isu dan Ancaman</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>	<b>Jabatan Yang Terlibat</b>
(4)Pemasangan alat Turtle Excluder Device (TED)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Perikanan Sandakan telah mengadakan sesi praktikal pemasangan alat TED bersama beberapa kapal tunda di Sandakan pada November 2015; Pejabat Perikanan Sandakan telah mengambil tindakan menggalakkan pemasangan TED secara sukarela bagi nelayan/kapal pukat tunda di Sandakan.</li> <li>2. Pemasangan TED akan membolehkan pengekportan hasil udang laut ke Amerika Syarikat.</li> <li>3. Jabatan Perikanan Sabah boleh mengadakan pilot testing bagi membuktikan keberkesanan dan manfaat TED sebelum mensyorkan pemasangan TED ke atas kapal-kapal tunda. Perkara ini boleh meyakinkan lagi pemilik kapal tunda dalam memasang TED secara sukarela</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perikanan Sabah</li> <li>2. Jabatan Perikanan Malaysia</li> <li>3. Taman-taman Sabah</li> <li>4. WWF-Malaysia</li> </ol>

<b>Isu dan Ancaman</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>	<b>Jabatan Yang Terlibat</b>
(5) Perlindungan Hutan Bakau	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Tanah dan Ukur perlu dilibatkan bagi hutan bakau yang berada di luar Jabatan Hutan</li> <li>2. Kunjungan hormat mungkin perlu bagi mendapatkan maklum balas daripada Jabatan Perhutanan berkenaan isu ini.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perhutanan Sabah</li> <li>2. Jabatan Tanah dan Ukur</li> </ol>
(6) Penggunaan Pam Bot	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kunjungan hormat perlu diadakan ke Jabatan Pelabuhan dan Dermaga bagi mendapatkan maklumat berkenaan isu ini.</li> <li>2. Menjemput Jabatan Pelabuhan dan Dermaga untuk memberi penerangan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga</li> </ol>

<b>Isu dan Ancaman</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>	<b>Jabatan Yang Terlibat</b>
(7) Pembuangan Sampah ke laut	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kontrak pelupusan sampah telah diberi kepada syarikat swasta oleh MPS. Oleh itu, aduan mengenai pembuangan sampah ke laut perlu dibuat kepada pihak MPS untuk mereka mengambil maklum berkenaan perkara ini dan mengambil tindakan ke atas syarikat tersebut</li> <li>2. Program kesedaran juga penting bagi penduduk-penduduk di pulau agar masalah pembuangan sampah ke laut secara umumnya dapat dikurangkan. Video 'Great Pacific Garbage Patch' boleh dikongsikan dengan orang awam semasa kempen kesedaran.</li> <li>3. Masalah pembuangan bahan plastik boleh dikurangkan sekiranya beg plastik diharamkan atau beg plastik mesra alam.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Majlis Perbandaran Sandakan</li> <li>2. Ahli-ahli SEEN</li> <li>3. Jabatan Perikanan Sabah</li> <li>4. Badan Bukan Kerajaan</li> <li>5. Universiti</li> </ol>

# TERIMA KASIH





## LAMPIRAN H



Foto 1: Pihak berkepentingan perikanan udang laut yang menghadiri konsultasi



Foto 2: Dr. Norasma Dacho membentangkan ringkasan hasil konsultasi yang lepas



Foto 3: En. Muslim bin Hj Moxin mengutarakan pendapatnya berkenaan pemasangan alat TED



Foto 4: En. Erwan Arjana Awang memberi komen berkenaan pelan tindakan



Foto 5: En. Masni bin Omar berkongsi pendapat beliau berkenaan pam bot



Foto 6: En. Mohd Gadaffi Abdullah menyokong berkenaan kempen kesedaran pembuangan sampah



Foto 7: En. Fadzil Yahya mencadangkan perubahan kepada pelan tindakan berkenaan penanaman bakau



Foto 8: En. Yusran bin Yusop berkongsi berkenaan konflik pukot tiga lapis dan pembalakan haram



Foto 9: En. Ahmad Azwan bin Rusidi memberi komen berkenaan pengharaman pam bot